

14/01/1999

Pendakwa secara rasmi tutup kes

Khairul Bahri Basaruddin; Anwar Hussin

KUALA LUMPUR, Rabu - Pendakwa raya dalam perbicaraan Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini secara rasmi menutup kes mereka selepas memanggil 23 saksi memberi keterangan yang mengambil masa 45 hari.

Timbalan Kanan Pendakwa Raya, Datuk Abdul Gani Patail memberitahu Mahkamah Tinggi, pendakwa tidak ada lagi saksi untuk dipanggil memberi keterangan dan secara rasmi ingin menutup kesnya.

Sehubungan itu, katanya, pendakwa menawarkan 47 saksi kepada pembela jika mahkamah memutuskan untuk memanggil Anwar membela diri terhadap empat tuduhan rasuah itu.

Menurutnya, pendakwa memberi jaminan akan membantu pembela jika mereka memerlukan saksi yang tidak tersenarai dalam senarai nama saksi baru yang diserahkan kepada pembela.

Beliau berkata, pihaknya memerlukan kerjasama pembela supaya memberi notis awal kepada pendakwa bagi membolehkan saksi terbabit dapat dihubungi segera.

Peguam bela Christopher Fernando memberitahu mahkamah, pembela sudah bersedia dengan nama saksi yang dipanggil bagi menyokong kes pembelaan jika Anwar dipanggil untuk membela diri.

Menurutnya, pembela ingin memanggil 22 saksi yang ada dalam senarai saksi dan seorang lagi tidak tersenarai.

Fernando berkata, pembela ingin memanggil Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad; Menteri Kewangan dan Menteri Tugas-Tugas Khas, Tun Daim Zainuddin; Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob; bekas Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Rahim Mohd Noor.

Saksi yang bukan daripada senarai adalah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz.

Selain itu, pembela juga ingin memanggil Setiausaha Politik Perdana Menteri, Datuk Abdul Aziz Shamsuddin; bekas Pengarah Siasatan Jenayah, Datuk Mohd Ismail Che Ros; penulis Abdul Khalid @ Khalid Jafri Bakar Shah; Abdul Rahim Dahalan atau dikenali sebagai Rahim King (Presiden Kelab Komando Malaysia).

Ahli perniagaan, Khairuddin Abu Hassan; Ma'amin Latip; bekas setiausaha sulit Anwar, Mohamad Azmin Ali; Mohd Azman Ali; Mohd Taib Salamon; Norlia Ali; Normala Mohamad Yusof; Norzilah Jalil (isteri kedua Megat Junid).

Dr Ristina Majid (pemilik rumah, tempat Azizan Abu Bakar dan Ummi Hafilda Ali ditangkap); Shamsidar Taharin; Datuk Sng Chee Hua; Tan Beng Kim; Zamrah Lajis dan Zull Aznam Haron.

Hakim Datuk S Augustine Paul kemudian memerintah pembela dan pendakwa mengemukakan hujah berhubung penutupan kes pendakwaan pagi esok.

Katanya, beliau mahu pembela dan pendakwa memberi tumpuan kepada keterangan yang berkaitan dengan kebenaran tohmahan dalam hujah mereka.

Sebelum itu, Fernando memohon kepada mahkamah supaya polis menyerahkan diari dan buku peribadi Anwar yang dirampas daripada pejabat lamanya.

Menurutnya, buku dan diari itu penting bagi pembela menyediakan kes pembelaan jika Anwar dipanggil untuk membela diri.

Bagaimanapun, Paul meminta pembela berurusan dengan pendakwa berhubung perkara itu kerana ia bukan barang kes dalam perbicaraan itu.

Abdul Gani memberi jaminan akan cuba mendapatkan buku dan diari daripada polis.

Sebelum itu, peguam bela Raja Aziz Addruse memberitahu mahkamah, selepas

meneliti nota keterangan pembela mengambil keputusan untuk tidak memanggil semula beberapa saksi pendakwa.

Paul sebelum ini memberi dua jam kepada pembela untuk berbincang antara mereka sama ada ingin memanggil semula saksi pendakwa.

Kes pendakwaan bermula pada 2 November lalu dengan bekas Pengarah Cawangan Khas, Datuk Mohd Said Awang menjadi saksi pertama pendakwa diikuti Deputy Superintendan Abdul Aziz Hussin, pegawai cawangan khas.

Pendakwa juga memanggil penulis surat Perihal Salah Laku Timbalan Perdana Menteri, Ummi Hafilda; bekas pemandu Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail, Azizan.

(END)